

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XII)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB. DATO' MUHAMAD YUSOFF BIN MOHD NOOR**

4. Bagi setiap portfolio yang dipegang oleh setiap EXCO, sila perincikan polisi-polisi baru yang diperkenalkan sejak mentadbir negeri mulai 2009.
 - (a) Apakah pencapaian bagi setiap polisi tersebut?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

4. Semenjak mentadbir negeri Pulau Pinang pada tahun 2008, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan pelbagai polisi yang selari dengan konsep ‘Cekap, Akauntabiliti dan Telus’ (CAT) yang merangkumi pelbagai aspek. Penekanan turut diberikan kepada kebijakan rakyat, kecekapan pentadbiran, kestabilan ekonomi dan juga kelestarian alam sekitar.

Polisi-polisi baru yang diperkenalkan bagi setiap portfolio Jawatankuasa MMK sejak mentadbir negeri mulai 2009 dan pencapaiannya adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A

POLISI KERAJAAN NEGERI MENGIKUT PORTFOLIO DAN PENCAPAIAN

PORFOLIO HAL EHWAL TANAH DAN PEMBANGUNAN TANAH, KOMUNIKASI & PENGANGKUTAN

POLISI	TAHUN PELAKSANAAN	PENCAPAIAN
Penang 2030	2018 - kini	Kerajaan Negeri meletakkan sasaran di bawah dasar Penang2030 yang dipecahkan kepada 4 tema. Pencapaian Penang2030 belum dapat dinilai memandangkan masih di peringkat awal pelaksanaan.
Cleaner, Greener and Safer Penang	2010 - kini	<p>Kerajaan Negeri tidak menetapkan <i>Key Performance Indicator (KPI)</i> ataupun sasaran kepada dasar ini. Walau bagaimanapun pencapaian boleh dilihat melalui anugerah yang diperolehi oleh pihak PBT, antaranya seperti berikut:</p> <p><u>Majlis Bandaraya Pulau Pinang</u></p> <ul style="list-style-type: none">(i) Anugerah Perak bagi kategori Tandas Awam Kawasan Pelancongan (Program Anugerah Tandas Bersih 1 Malaysia Peringkat Kebangsaan 2013);(ii) Tempat Pertama Kategori Pengkomposan Sisa Makanan (Program Sambutan Hari Kejiranan Peringkat Persekutuan 2015);(iii) Best Website (Program Tourism Promotion Organization 2015); dan(iv) Anugerah Asean Clean Tourist City Standard 2020-2022. <p><u>Majlis Bandaraya Seberang Perai</u></p> <ul style="list-style-type: none">(i) Tempat Pertama Kategori Pengkomposan Sisa Makanan (Program Inisiatif Kejiranan Hijau sempena sambutan Hari Perancang Sedunia 2015);(ii) Self Manage Recycle Center (SMRC) (Program Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan KPKT 2015);(iii) Sijil Bandar Mampan dan diberi hadiah RM2000.00 (Program Anugerah Bandar Mampan 2014); dan(iv) The Malaysia Book of Records (MBR) atas pencapaian sebagai “First Organization To Develop Upcycle Park” 2018.

POLISI	TAHUN PELAKSANAAN	PENCAPAIAN
Bantuan Kepada Pemandu Teksi dan Pengusaha Bas Sekolah	2011 / 2016 - kini	Diperkenalkan pada tahun 2011 untuk membantu pemandu teksi dan dipanjangkan kepada pengusaha bas sekolah pada tahun 2016. Bantuan disalurkan dua (2) kali setahun dan bagi setiap sesi, seramai 3,300 pemandu teksi dan 600 pengusaha bas sekolah menerima manfaat.
<i>Penang Transport Master Plan (PTMP)</i>	2013 - kini	Pelaksanaan PTMP merangkumi komponen projek-projek keutamaan, iaitu LRT Bayan Lepas, Pan Island Link 1 dan Projek Tambakan Laut Selatan Pulau Pinang. Sehingga 2020, 90% kelulusan bagi pelaksanaan projek telah diperolehi.
Memperkasakan Sistem Pengangkutan Awam	2011 / 2012 / 2018 - kini	Memperkenalkan perkhidmatan <i>Bridge Express Shuttle Transit</i> (BEST) dan <i>Congestion Alleviation Transport</i> (CAT). Perkhidmatan bas BEST <i>Free Industrial Zone</i> (FIZ) diperkenalkan pada tahun 2011, BEST KOMTAR pada 2012 dan bas percuma CAT pada tahun 2018. Perkhidmatan ini dapat mengurangkan kesesakan jalan raya terutamanya pada waktu puncak. Secara purata, setiap tahun perkhidmatan ini telah memberi manfaat kepada 140,000 pengguna BEST FIZ, 110,000 pengguna BEST KOMTAR dan 6,200,000 pengguna bas CAT.
Pelan Strategik Keselamatan Jalan Raya (PSKJR)	2015 - kini	PSKJR telah diperkenalkan dalam usaha memberi kesedaran keselamatan jalan raya dan mengurangkan jumlah kemalangan maut di Pulau Pinang. Jumlah kemalangan jalan raya berjaya dikurangkan pada tahun kedua pelaksanaan. Namun, jumlah kemalangan kembali meningkat sehingga 2018. PSKJR kini dalam proses penilaian semula.

PORFOLIO HAL EHWAL AGAMA, PEMBANGUNAN INDUSTRI & PERHUBUNGAN MASYARAKAT

POLISI	TAHUN PELAKSANAAN	PENCAPAIAN
Gagasan Islam Sebagai Agama 'Rahmatan Lil-Alamin'	2008 - kini	<p>Pendekatan 'Rahmatan Lil-Alamin' yang bersifat universal, inklusif, telus dan menyantuni diutamakan untuk melahirkan masyarakat dan kehidupan lebih harmoni bersesuaian dengan kepelbagaian agama dan bangsa di Pulau Pinang.</p>
Gagasan Membangun Khaira Ummah	2013 - kini	<ul style="list-style-type: none"> • Konsep Gagasan Membangun Khaira Ummah selari dengan visi Penang2030 melalui pengupayaan khaira ummah, pengupayaan ekonomi serta pengupayaan sains dan teknologi khususnya dalam pembangunan industri halal. • Pengupayaan pendidikan khususnya pendidikan Islam di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah dan juga pengajian tinggi. • Memperkuuh institusi masjid dan surau seluruh negeri Pulau Pinang dengan menjadikan masjid dan surau sebagai <i>one stop centre</i> untuk pelbagai kegiatan kemasyarakatan. • Memperkuuh insitusi Zakat Pulau Pinang dengan mengadakan pelbagai usaha seperti seperti kempen kesedaran dan galakan pembayaran zakat, kaedah agihan zakat kepada asnaf serta membantu meningkatkan ekonomi golongan B40 • Memperkasa pengurusan pembangunan tanah-tanah wakaf di Pulau Pinang • Memperkasa Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang sebagai sebuah institusi agama yang disegani melalui pelbagai agenda pembangunan Islam baik dalam aspek keagamaan, keilmuan dan juga sosial.

PORFOLIO PERANCANGAN EKONOMI NEGERI, PENDIDIKAN, PEMBANGUNAN MODAL INSAN DAN SAINS, TEKNOLOGI & INOVASI

POLISI	TAHUN PELAKSANAAN	PENCAPAIAN
Penubuhan Pusat Latihan Bantuan Kerjaya (CAT)	2009 - kini	Pusat Latihan Bantuan Kerjaya ditubuhkan bagi menarik tenaga kerja tempatan untuk berkhidmat/bekerja di Pulau Pinang.
Program Bantuan Pendidikan Kepada Sekolah Agama Rakyat, Maahad Tahfiz, Sekolah Cina, Sekolah Mualigh dan Sekolah Tamil	2009 - kini	Bantuan kewangan oleh Kerajaan Negeri kepada sekolah-sekolah Agama Rakyat, Maahad Tahfiz, Sekolah Cina, Sekolah Mualigh dan Sekolah Tamil. Sehingga Disember 2019, sejumlah RM128.73 juta telah disalurkan kepada sekolah-sekolah tersebut di Pulau Pinang.
Inisiatif Wi-Fi Percuma di Seluruh Pulau Pinang	2009 - kini	Sehingga kini, sejumlah 1,560 <i>hotspot</i> wi-fi percuma telah disediakan, <i>bandwidth</i> internet dinaiktaraf dari 75Mbps kepada 375Mbps dan kelajuan internet ditingkatkan dari 512kbps kepada 1Mbps.
Mewujudkan Hab Pendidikan	2013 - kini	Hab Pendidikan seluas 200 ekar diwujudkan untuk dijadikan pusat pendidikan dan pembangunan modal insan, pengetahuan dan kemahiran. Institusi-institusi pendidikan terkemuka seperti Hull University dan Gems International School telah melabur di Pulau Pinang menerusi hab tersebut.
Program Kewarganegaraan di Pulau Pinang	2013 - kini	Sehingga kini, sejumlah 1,997 permohonan kewarganegaraan telah diterima dengan pecahan seperti berikut: i) 175 permohonan telah diluluskan; ii) 1,464 permohonan dalam tindakan agensi kerajaan; dan iii) 358 permohonan masih dalam tindakan Unit Kewarganegaraan Pulau Pinang.
<i>Penang Future Foundation</i>	2014 - kini	Ditubuhkan untuk menawarkan kepada pelajar-pelajar cemerlang dan berkelayakan untuk menyambung pelajaran dalam bidang/ jurusan terpilih di institusi pengajian tinggi di dalam negara.
Penubuhan Techdome Penang	2016 - kini	Sehingga kini, Techdome Penang telah mempromosikan sains dengan menganjurkan lebih 200 program yang melibatkan 1,300 sekolah.
Penubuhan Penang STEM Sdn Bhd	2017 - kini	Penang STEM Sdn Bhd ditubuhkan untuk memacu pembangunan modal insan berkemahiran tinggi di Pulau Pinang. Sejak penubuhan, sejumlah 450 program telah dilaksanakan oleh Penang STEM Sdn Bhd.

PORFOLIO PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA, KETERANGKUMAN GENDER & AGAMA SELAIN ISLAM

POLISI	TAHUN PELAKSANAAN	PENCAPAIAN
Penubuhan Pusat Perkhidmatan Wanita	2009 - kini	Pusat Perkhidmatan Wanita ditubuhkan untuk membantu golongan wanita dan kanak-kanak yang menghadapi keganasan rumah tangga, seksual dan masalah keluarga. Sejak penubuhan, kira-kira 5,000 wanita dan kanak-kanak yang terlibat dibantu oleh pusat ini.
Penubuhan Pusat Jagaan Kanak-Kanak	2011 - kini	Sebanyak dua (2) buah Pusat Jagaan Kanak-Kanak diwujudkan iaitu di Daerah Timur Laut dan Seberang Perai Tengah.
Penubuhan Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC)	2011 - kini	PWDC ditubuhkan untuk menguruskan pembangunan wanita dan keluarga serta mendorong Pulau Pinang ke arah mengarusperdanakan aspek gender dalam dasar dan program-program yang dijalankan.
Penubuhan Briged Wanita Pulau Pinang (BWPP)	2013 - kini	BWPP merupakan gerakan wanita Pulau Pinang yang beroperasi secara sukarela bagi membantu Kerajaan Negeri bagi menjalankan tugas seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> • Mendaftarkan ibu tunggal dan ibu emas untuk menerima bantuan daripada Kerajaan Negeri; • Mendaftarkan wanita yang berumur 35 tahun ke atas untuk menjalani pemeriksaan mammogram yang dibayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri; dan • Mendaftarkan wanita yang menjalankan perniagaan kecil-kecilan untuk dipertimbangkan pinjaman mikrokredit di bawah Skim Pinjaman Harapan. Sehingga kini, lebih daripada 1,000 wanita berjaya dibantu menerusi pendaftaran yang diuruskan oleh BWPP.
Penubuhan Taska D'Komtar	2014 - kini	Taska D'Komtar ditubuhkan di bawah Pelan Tindakan Penjagaan Kanak-Kanak 2013-2015 dan memberikan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak berumur dari 3 bulan sehingga 4 tahun. Taska ini berjaya memudahkan penjawat awam yang bekerja di Komtar dalam urusan penjagaan kanak-kanak.
Penubuhan Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK)	2019 - kini	JPWK ditubuhkan di setiap 40 KADUN dengan sejumlah 600 ahli jawatankuasa di kalangan wanita bagi melaksanakan program-program wanita dan keluarga. Bagi tahun 2019, sebanyak 358 program telah dilaksanakan di seluruh Pulau Pinang.

POLISI	TAHUN PELAKSANAAN	PENCAPAIAN
Dasar Keterangkuman Gender	2019 - kini	Dasar ini dilancarkan pada 7 Mac 2019 dan negeri Pulau Pinang menjadi negeri pertama di Malaysia yang mewujudkan dan mengguna pakai dasar seumpama ini. Dasar ini mempromosikan keseimbangan gender dan keterangkuman gender di Pulau Pinang.
Pelaksanaan Kontrak Komuniti Pembersihan Di Peringkat Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan Pulau Pinang	2019 - kini	Kerja-kerja pembersihan di Projek Perumahan Rakyat Pulau Pinang diberikan kepada Persatuan Penduduk PPR. Konsep pelaksanaan kontrak komuniti ini telah dilaksanakan sebelum ini lagi dan Pulau Pinang telah menerima pengiktirafan anugerah khas juri di <i>International Observatory on Participatory Democracy</i> (IOPD) di Brazil pada tahun 2014.
Pelan Tindakan Dasar Keterangkuman Gender Di Peringkat Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang	2019 - kini	Sebanyak 33 jabatan dan agensi Kerajaan Negeri telah mengemukakan pelan tindakan Dasar Keterangkuman Gender.

PORFOLIO PERUMAHAN, KERAJAAN TEMPATAN & PERANCANGAN BANDAR DAN DESA

POLISI	TAHUN PELAKSANAAN	PENCAPAIAN
Garis Panduan Pelepasan Kuota Bumiputera Pemajuan Perumahan dan Komersil	2008 - kini	Dari tahun 2012 hingga Januari 2020, jumlah keseluruhan permohonan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pelepasan Kuota Bumiputera adalah sebanyak 547 permohonan, jumlah diluluskan 504 dan jumlah bayaran sebanyak RM439,159,163.74.
Dasar Cleaner Greener Penang	2008 - kini	Kadar kitar semula negeri meningkat dari 23.06% pada tahun 2009 ke 44.04% pada tahun 2019. Sejak 2009, lebih 349,000 pokok telah ditanam di seluruh negeri oleh pelbagai agensi dan sejumlah 1,071 CCTV dipasang di kawasan hotspot di seluruh negeri; 935 buat di kawasan MBPP dan 136 buat di kawasan MBSP.
Dasar Pengurusan Setinggan Negeri Pulau Pinang	2009 - kini	Sebanyak 3,354 Setinggan/ Perintah Pindah Ditawarkan Unit Rumah Mampu Milik (RMM) di bawah dasar ini.
Tabung Penyelenggaraan Maksima 80 Pulau Pinang	2013 - kini	Sehingga Mac 2020, sebanyak 233 permohonan penyelenggaraan umum daripada skim-skim strata yang layak telah diluluskan. Ini melibatkan sebanyak 386 kerja dengan nilai sebanyak RM33,911,761.22
Dasar Pemberian Senarai Nama	2014 - kini	Sehingga Mac 2020, jumlah keseluruhan senarai nama yang diperaku adalah sebanyak 120,896 melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pembersihan dan Peningkatan Mutu Proses Pemilihan Perumahan (SPEC).
Dasar Pengagihan Kuota Pemilihan Perumahan Mampu Milik	2014 - kini	Penguatkuasaan pembahagian kuota Rumah Mampu Milik (RMM) seperti berikut: i) RMM A: Melayu (50%), Cina (35%), India (15%) ii) RMM B dan C: Melayu (30%), Cina (55%), India (15%)
Garis Panduan Penyediaan Skim Perumahan 100% Rumah Mampu Milik	2014 - kini	Senarai Projek RMM 100% Kategori RMM C (Harga Maksima RM300,000.00) dari tahun 2008 hingga Januari 2020 adalah sebanyak 63 projek dan 51,434 unit dengan pecahan seperti berikut: Jumlah OC/CCC = 2143 unit Jumlah Sedang dibina = 16,473 unit Jumlah KM = 32,818 unit

POLISI	TAHUN PELAKSANAAN	PENCAPAIAN
Dasar Melestarikan, Melariskan dan Mempergiatkan Penjualan Perumahan Jenis Mampu Milik/ Dasar Rangsangan Pasaran Perumahan Pemajuan Di Bawah Garis Panduan Perumahan Mampu Milik 100%	2015/ 2019 - kini	Dasar Melestarikan, Melariskan dan Mempergiatkan Penjualan Perumahan Jenis Mampu Milik diperkenalkan pada tahun 2015 dan kesinambungannya, Dasar Rangsangan Pasaran Perumahan Pemajuan Di Bawah Garis Panduan Perumahan Mampu Milik 100% diperkenalkan pada tahun 2019. Sebanyak 11 pemaju telah diberi kelulusan pembukaan pasaran terbuka melibatkan 14 pemajuan RMM 100%. Jumlah unit <i>in kind</i> RMMC yang direkodkan adalah sebanyak 474 unit.
Dasar Penggunaan dan Pembelian Kuota Rumah Kos Rendah/ Rumah Kos Sederhana Rendah	2015 - kini	Dari tahun 2015 hingga Mac 2020, jumlah keseluruhan permohonan bagi Penggunaan Kuota RMM melalui Mesyuarat Jawatankuasa Penggunaan dan Pembelian Kuota Rumah Mampu Milik A, B, C1, C2, & C3 adalah sebanyak 104 permohonan dan jumlah diluluskan adalah 80.
Garis Panduan Pengurusan Konsep Baru Perumahan	2016 - kini	Dari tahun 2016 hingga Mac 2020, jumlah keseluruhan permohonan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Konsep Baru Perumahan adalah sebanyak 48 permohonan, jumlah diluluskan adalah 21.
Dasar Had Maksimum Penjualan dan Keluasan Minimum Rumah Mampu Milik	2016 - kini	Harga maksima Rumah Mampu Milik RM300,000 di kawasan Pulau dan RM250,000 di kawasan Seberang bagi Kebenaran Merancang selepas tahun 2015 dengan saiz minima 750 kaki persegi bagi RMM C1, 800 kaki persegi bagi RMM C2 dan 850 kaki persegi dan RMM C3.
Dasar Pengasingan Sisa Di Punca	2016 - kini	Sehingga 31 Disember 2019, sebanyak 475,520 kg barang kitar semula dikutip oleh MBPP dan MBSP, dan menjana hasil sejumlah RM111,767.23 kepada PBT. Kadar kitar semula negeri meningkat dari 23.06% pada tahun 2009 kepada 44.04% pada tahun 2019.

PORTFOLIO KEBAJIKAN, MASYARAKAT PENYAYANG DAN ALAM SEKITAR

POLISI	TAHUN PELAKSANAAN	PENCAPAIAN
Program Agenda Ekonomi Saksama (AES)	2009 - kini	Bantuan kewangan berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Isu kemiskinan tegar berjaya dibasmi di kalangan penduduk Pulau Pinang.
No Single Use Plastic	2009 - kini	Inisiatif bagi pemeliharaan alam sekitar dan mendidik masyarakat untuk mengurangkan penggunaan plastik sekali guna. Kempen turut dilaksanakan iaitu kempen Hari Tanpa Plastik Percuma dan <i>No To Plastic Straw</i> . Daripada inisiatif yang dilaksanakan, Kerajaan Negeri telah menetapkan hari Isnin sebagai Hari Tanpa Plastik.
Program Kebajikan i-Sejahtera	2010 - kini	Bantuan kewangan diberikan kepada golongan sasar melalui enam (6) program seperti berikut: i) Program Penghargaan Warga Emas; ii) Program Bantuan Ibu Tunggal; iii) Program Anak Emas; iv) Program Bantuan Orang Kurang Upaya (OKU); v) Program Sumbangan Jenazah; dan vi) Program Pelajar Emas (dihentikan pada tahun 2019). Sehingga 31 Mac 2020, seramai 585,410 orang penerima telah menerima manfaat dengan pembayaran berjumlah RM263,474,250.00.
Program Sekolah Hijau Pulau Pinang	2010 - kini	Merupakan program pengauditan alam sekitar untuk sekolah rendah dan sekolah menengah bertujuan untuk mendidik tentang pengurusan alam sekitar dan semangat cintai alam sekitar. Penyertaan sekolah hijau adalah meningkat setiap tahun. Sebanyak 176 sekolah rendah telah menyertai program ini pada tahun 2019 berbanding 24 pada tahun 2010 manakala 65 sekolah menengah telah menyertai program ini pada tahun 2019 berbanding 30 pada tahun 2010.
Anugerah Kewartawanan Hijau Pulau Pinang	2011 - kini	Pengiktirafan Kerajaan Negeri kepada golongan wartawan bagi pelaporan mendalam isu-isu alam sekitar dan kelestarian di Pulau Pinang. Sehingga Disember 2019, sejumlah 348 penyertaan diterima menerusi penulisan artikel yang berkaitan.
Program Pejabat Hijau Pulau Pinang	2012 - kini	Sehingga kini, sebanyak 129 pejabat telah mendapat persijilan hijau yang merangkumi 67 pejabat kerajaan negeri dan 62 pejabat swasta.
Kem dan Bengkel Alam Sekitar	2013 - kini	Kem dan bengkel alam sekitar menjadi platform kepada pendidikan alam sekitar yang memberi fokus kepada tiga (3) unsur utama, iaitu sisa, air dan tenaga. Sehingga Disember 2019, sejumlah 77 kem dan bengkel dianjurkan melibatkan 3,439 peserta.

POLISI	TAHUN PELAKSANAAN	PENCAPAIAN
Kempen Pengasingan Sisa Di Punca	2013 - kini	Kempen dianjurkan selaras dengan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca Pulau Pinang. Sehingga Disember 2019, sebanyak 52 kempen telah dilaksanakan. Selain itu, taklimat pendidikan isu-isu alam sekitar turut diadakan kepada pihak kilang, sekolah, pihak kerajaan dan swasta. Sehingga Disember 2019, 101 sesi taklimat telah diadakan melibatkan seramai 18,571 peserta.
Jaringan Sisa Sifar (<i>Zero Waste Network</i>)	2013 - kini	Jaringan Sisa Sifar merupakan aplikasi carian pangkalan data yang membolehkan orang awam mencari lokasi serta menghubungi pusat kitar semula dan pusat pembelian balik barang kitar semula. Sehingga kini terdapat 120 pusat kitar semula dan pembelian semula yang sah di Pulau Pinang.
Aplikasi Mudah Alih ' <i>Trash2Treasure</i> '	2015 - kini	Aplikasi ini diwujudkan bagi membantu pengguna mencari pusat kitar semula dan pusat pembelian balik serta mencari pemilik atau pembeli baru bagi barang terpakai. Sehingga kini, aplikasi ini telah dimuat turun sebanyak 3,360 kali.
Mutiara Foodbank	2017 - kini	Mutiara Foodbank menjadi inspirasi kepada Kerajaan Persekutuan dan negeri-negeri lain dalam menyalurkan bantuan makanan kepada golongan sasar.
Insentif Cabaran Sisa Makanan	2017 - kini	Menggalakkan para pengusaha kilang, hotel, institusi dan komuniti membantu mengurangkan jumlah sisa makanan yang dihantar ke tapak pelupusan sampah. Sehingga kini, terdapat lapan (8) insentif yang telah diluluskan.
Insentif Acara Hijau Pulau Pinang	2019 - kini	Fokus adalah bagi menggalakkan pengajur acara supaya lebih prihatin kepada penggunaan sumber seperti air, tenaga dan sumber asli serta mengelakkan pembaziran semasa menganjurkan acara dan mengurangkan impak kepada alam sekitar.
<i>Penang Green Agenda</i>	2020 - kini	Kajian terperinci telah dilaksanakan dan pelan hala tuju bagi mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) telah dihasilkan. Indeks Indikasi Kelestarian turut dihasilkan bagi mengukur tahap kelestarian di Pulau Pinang. <i>Penang Green Agenda</i> (PGA) ini dilaksanakan bagi tempoh 10 tahun (2020-2030).

PORFOLIO KERJA RAYA, UTILITI DAN TEBATAN BANJIR

POLISI	TAHUN PELAKSANAAN	PENCAPAIAN
<i>Drainage Master Plan (DMT)</i>	2013 - kini	<p><i>Drainage Master Plan (DMT)</i> telah disediakan di setiap daerah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • DMT DBD - 2013; • DMT SPT - 2016; • DMT SPS - 2017; • DMT DTL - 2018; dan • DMT SPU - 2018.
<i>Penguatkuasaan Ops Lumpur</i>	2017 - kini	<p><i>Ops Lumpur</i> dilaksanakan di tapak pembinaan/ kawasan pembangunan/ kawasan-kawasan lain yang melibatkan kerja tanah. Kekerapan operasi bersepada ditingkatkan daripada enam (6) kali pada tahun 2017 kepada 74 kali pada tahun 2019.</p>
<i>Penyelenggaraan Jalan, Parit dan Pokok</i>	2019 - kini	<p>Mengenalpasti dan menetap semula tanggungjawab penyelenggaraan jalan, parit dan pokok oleh setiap agensi dan jabatan yang terlibat bagi menyelesaikan isu pertindihan bidang kuasa. Jawatankuasa Penyelarasaran Infrastruktur telah diwujudkan melibatkan jabatan dan agensi negeri.</p>
<i>Anjakan pembangunan (development setback) baru bagi pembangunan di zon/ garis pantai</i>	2019 - kini	<p><i>Development setback</i> baru ditetapkan 20 meter hingga 60 meter dari garis pantai tertakluk kepada tahap hakisan pantai. Garis panduan ini dipatuhi sepenuhnya mengikut had yang ditetapkan iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kategori 1 (critical erosion) - 60 meter; • Kategori 2 (significant erosion) - 40 meter; dan • Kategori 3 (acceptable erosion) - 20 meter.
<i>Pembinaan kolam takungan berdasarkan Garis Panduan MSMA2</i>	2019 - kini	<p>Garis Panduan MSMA2 mewajibkan pembinaan kolam takungan untuk semua pembangunan tanpa mengira jarak dari garisan pantai. Perkara ini dipatuhi sepenuhnya dalam projek pembinaan.</p>
<i>Penyediaan Pelan Induk Kesalinghubungan Pulau Pinang</i>	2019 - 2020	<p>Kerjasama dengan semua syarikat telekomunikasi untuk merangka Pelan Induk Kesalinghubungan Pulau Pinang.</p>
<i>Penubuhan Digital Penang</i>	2020 - kini	<p>Digital Penang ditubuhkan untuk memantau dan melaksanakan program/ projek digital di negeri Pulau Pinang.</p>

POLISI	TAHUN PELAKSANAAN	PENCAPAIAN
Garis Panduan SOP Bantahan Penduduk Terhadap Struktur Pemancar Telekomunikasi di Negeri Pulau Pinang	2020 - kini	Garis panduan diwujudkan sebagai pemudahcara proses pemutihan dan pembinaan infrastruktur telekomunikasi di Pulau Pinang.

**PORFOLIO PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN DALAM NEGERI, HAL EHWAL
PENGGUNA & PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN**

POLISI	TAHUN PELAKSANAAN	PENCAPAIAN
Skim Pinjaman Harapan (dahulu dikenali sebagai Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR))	2009 - kini	Sejak tahun 2009 sehingga 29 Februari 2020, sebanyak 3,520 peminjam telah mendapat manfaat daripada Skim Pinjaman Harapan sama ada berjaya menambah pendapatan atau mengembangkan perniagaan masing-masing dengan pinjaman keseluruhan berjumlah RM19.14 juta.
Penang Digital Free Trade Zone (DFTZ)	2019 - kini	Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi Penang DFTZ dengan Syarikat Fusionex International Sdn. Bhd. pada 17 Oktober 2019 di Hotel St Giles Wembley, Pulau Pinang. Sehingga Januari 2020, sebanyak 327 syarikat telah berdaftar dengan Syarikat Fusionex International Sdn. Bhd. Syarikat mensasarkan untuk merekrut sekurang-kurangnya 300 syarikat pada setiap suku tahun dan bilangan ini akan mencecah 750 syarikat pada bulan April atau Mei 2020 dan dijangka meningkat sebanyak 1500 syarikat pada penghujung tahun 2020. Syarikat Fusionex Sdn. Bhd. mempunyai keyakinan penuh bahawa Pulau Pinang akan mencapai sasaran tersebut menjelang Disember 2020.

PORFTOLIO PELANCONGAN, SENI, BUDAYA & WARISAN

POLISI	TAHUN PELAKSANAAN	PENCAPAIAN
<i>Friendship City</i>	-	<p>Kerajaan Negeri telah menandatangani MOU bersama beberapa bandar di peringkat antarabangsa bagi menjalin hubungan kerjasama dan perkongsian pengalaman dalam pelbagai bidang. MOU yang telah ditandatangani melibatkan bandar/negara seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Amerika Syarikat (2010, 2017, 2019); • Taipei, Taiwan (2011); • Kaohsiung, Taiwan (2011); • Bangkok, Thailand (2012); • Zhongsan, China (2012); • Jogjakarta, Indonesia (2012); • Changwon, Korea (2012); • Gwangju, Korea (2013); • Phuket, Thailand (2014) • Seoul, Korea (2015); • Hainan, China (2015); • Yokohama, Jepun (2015, 2018); dan • Chengdu, China (2018).
Penyediaan Pelan Induk Pelancongan Pulau Pinang	2019 - kini	Draf Pelan Induk Pelancongan Pulau Pinang dikemaskini dan diperhalusi berdasarkan input dan maklum balas yang diterima daripada sesi Town Hall yang telah diadakan pada 13 Februari 2020.
Kempen Experience Penang Year 2020 (EPY2020)	2019 - 2020	<p>Kempen melawat Pulau Pinang 2020 yang bertujuan mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan utama. Salah satu strategi yang telah dilaksanakan adalah membuka laluan penerbangan terus ke Pulau Pinang seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Qingdao Airlines : Changsha-Quanzhou-Penang (Oktober 2019); • Shenzhen Airlines : Shenzhen-Penang (Disember 2019); dan • Starlux Airlines : Taipei-Penang (Januari 2020). <p>Program <i>roadshow</i> turut dilancarkan ke beberapa negara seperti China, Korea, Taiwan, Thailand, Indonesia dan Singapura. Promosi turut diadakan dengan kerjasama Tourism Malaysia menerusi jelajah <i>tradeshow</i> dan pameran-pameran pelancongan di luar negara.</p>

PORFTOLIO BELIA & SUKAN

POLISI	TAHUN PELAKSANAAN	PENCAPAIAN
Sukan Untuk Semua (<i>Sports For All</i>)	2019 - kini	Program ‘Sukan Untuk Semua’ merupakan salah satu inisiatif MMK Belia dan Sukan dalam menggalakkan penyertaan masyarakat dalam aktiviti sukan. Sebanyak 12 jenis sukan telah dianjurkan sepanjang tahun 2019 dengan penganjuran satu (1) jenis sukan pada setiap bulan. Pada tahun 2020, kerajaan negeri mensasarkan penganjuran dua (2) jenis sukan pada setiap bulan dengan mengetengahkan konsep klinik sukan bagi menarik minat masyarakat untuk mempelajari pelbagai kemahiran sukan dan seterusnya diharap mereka akan menjadi pelapis atlet negeri dan negara pada satu hari nanti.
Belia Untuk Masa Depan (<i>Youth For Future</i>)	2019 - kini	<p>Initiatif “Belia Untuk Masa Depan” merupakan satu perancangan yang akan dilaksanakan dalam tempoh panjang untuk membangunkan belia dan anak muda di Pulau Pinang dan menyediakan belia kita untuk menghadapi cabaran masa depan mereka serta menyumbang kepada pembangunan negara.</p> <p>Di bawah initiatif “Belia Untuk Masa Depan”, program telah dilaksanakan seperti:</p> <p>(a) Majlis Perundingan Mahasiswa 2019 Bengkel Penerokaan Kerjaya Sukarelawan Belia</p>

PORFOLIO PERTANIAN, INDUSTRI ASAS TANI, PEMBANGUNAN LUAR BANDAR & KESIHATAN

POLISI	TAHUN PELAKSANAAN	PENCAPAIAN
Penganjuran Program Pesta Buah-Buahan	2012 - kini	Program tahunan yang dianjurkan untuk aktiviti mempromosikan industri buah-buahan tempatan terutamanya durian kepada pelancong domestik dan antarabangsa yang mengunjungi Pulau Pinang. Setiap penganjuran program ini mendapat sambutan yang menggalakkan.
Program Penang Bebas Asap Rokok (PENBAR)	2012 - kini	PENBAR merupakan usaha berterusan Kerajaan Negeri bagi mewujudkan sesuatu lokaliti sebagai kawasan bebas asap rokok. Perkara ini bermula dengan pewartaan enam (6) taman rekreasi pada 1 Oktober 2012 dan kawasan George Town World Heritage Site pada 4 Julai 2015 sebagai kawasan bebas asap rokok. Pada masa ini, Kerajaan Negeri mensasarkan untuk memperluaskan kepada satu kawasan bagi setiap daerah, iaitu Butterworth di SPU, Seberang Jaya di SPT, Nibong Tebal di SPS, Bayan Lepas di DBD, Batu Ferringhi di DTL.
Program Bantuan Baucar Nelayan Pesisir Pantai	2013 - kini	Bermula tahun 2013 sehingga 2016, bantuan diberikan menerusi pemberian dua (2) banah setahun kepada setiap nelayan pesisir pantai. Mulai tahun 2017, Kerajaan Negeri bersetuju program bantuan ini dilaksanakan dengan pemberian baucar bernilai RM400.00 setahun dan baucar ini boleh ditebus dengan peralatan dan perkakasan di syarikat/pembekal yang telah dilantik. Semenjak diperkenalkan, seramai 11,396 nelayan menerima bantuan pukat dengan pembayaran berjumlah RM2,352,048.20 dan 6,286 nelayan telah menerima baucar dengan melibatkan pembayaran berjumlah RM2,513,985.58.
Program Hari Peladang, Penternak dan Nelayan (dikenali sebagai Agrofest/ Seberang Perai Fiesta)	2014 - kini	Sambutan Agrofest merupakan program tahunan dari tahun 2014 dan merupakan satu platform pengiktirafan kepada golongan petani, peladang, penternak dan nelayan di Pulau Pinang.

POLISI	TAHUN PELAKSANAAN	PENCAPAIAN
Pemberian Bantuan Subsidi Rawatan Dialisis	2014 - kini	Pemberian bantuan subsidi rawatan dialisis untuk membantu mengurangkan beban golongan yang kurang berkemampuan mendapatkan rawatan berkala dengan kos setiap sesi serendah RM30.00 di tiga (3) pusat dialisis, iaitu Pusat Dialisis CAT Balik Pulau, Pusat Dialisis MAA Medicare dan Pusat Dialisis Masjid At-Taqwa dan telah memberi manfaat kepada 152 orang.
Penubuhan Tabung Usahawan Tani (TUT)	2015 - kini	Pada mulanya, Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) diperkenalkan sebagai tabung pinjaman mikro kredit tanpa riba dan ditawarkan kepada usahawan muda berumur sehingga 40 tahun. Pada Mei 2018, had umur dilanjutkan sehingga 60 tahun. Sehingga kini, TUT telah meluluskan pinjaman mikro kredit kepada 156 pemohon.
Program Mammo Penang	2015 - kini	Program ini merupakan inisiatif Kerajaan Negeri untuk membolehkan golongan wanita untuk menjalani ujian saringan kanser payudara secara percuma. Sejak 2015 sehingga 2018, pemeriksaan ini dijalankan di dua (2) pusat saringan kendalian Syarikat BP Diagnostic Center Sdn Bhd. Mulai Mac 2019, Kerajaan Negeri bekerjasama dengan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan proses saringan dapat dilaksanakan di enam (6) pusat saringan kendalian LPPKN. Sehingga kini, seramai 14,321 orang telah menyertai program saringan ini.
Program Penyerahan Bantuan Peralatan dan Bina Baru / Baik Pulih Rumah Rakyat Miskin	2015 - kini	Pemberian bantuan di bawah Projek Khas Ekonomi Kerajaan Negeri merangkumi bantuan peralatan dan bantuan bina baru/ baik pulih rumah rakyat miskin. Sehingga kini, pencapaian bantuan adalah: <ul style="list-style-type: none"> • 811 bantuan peralatan (RM1,814,451.83); • 192 bantuan bina rumah baru (RM7,416,820.00); dan • 1,106 bantuan baiki rumah (RM11,500,285.89).
Program Penang Safe Heart	2015 - kini	Program pendidikan dan latihan berhubung rawatan kecemasan menggunakan <i>Automated External Defibrillator</i> (AED). Pada peringkat awal, 10 unit AED dipasang di lokasi awam dan kini telah bertambah kepada 64 unit. Seramai 25,000 orang awam telah mengambil bahagian dalam sesi latihan yang dianjurkan dari semasa ke semasa.

POLISI	TAHUN PELAKSANAAN	PENCAPAIAN
Program Jelajah Desa	2018 - kini	Program ini dijalankan secara lawatan kerja bersepada bersama agensi kerajaan untuk melihat dengan lebih dekat Projek Khas Ekonomi (Bina Baru, Baiki dan Bantuan Peralatan Perniagaan). Program ini juga dapat meninjau perkembangan ekonomi di kawasan desa.